



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 29 OGOS 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SIM TZE TZIN: PLANT MORE VARIETY OF CROPS TO REDUCE IMPORT, NATION, SIN CHEW DAILY -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3. 4.	BIJI KOKO DARI NIGERIA BERULAT, NEGARA, KOSMO -12 KOKO BERULAT, SETEMPAT, HM -16 BIJI KOKO BERULAT RM3 JUTA DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQJS)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	PPM, JABATAN PERIKANAN SERBU PASAR CARI IKAN BOM, BH -ONLINE JABATAN PERIKANAN PERTAHAN TAK SENARAI YU SEBAGAI SPESIES DILINDUNGI, MALAYSIA KINI -ONLINE 22 PENGUSAHA IKAN SANGKAR RUGI LEBIH RM2 JUTA, SH -ONLINE 111 NELAYAN BERSAMA TUJUH BOT DITAHAN, NASIONAL, SH -20 TUTUP LAMPU BUNAG IKAN, SETEMPAT, HM -33 LOKASI TUKUN KAYA SPESIES IKAN, NEGERI, HAKAKAH -H16 DEDAK AKTIVITI KONSERVASI PENYU DI RANTAU ABANG, VARSITI, BH -7 JAILED, FINED FOR HAVING BOMBED FISH, HOME, BORNEO POST (KK) -6 OPERATION TO CURB FISH-BOMBING ACTIVITIES IN SEMPORNA, HOME, BORNEO POST (KK) -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	CHEMAT NEW SOUTH LABUAN FARMERS ORGANISATION CHAIRMAN, HOME, BORNEO POST (KK) -4	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
15. 16. 17. 18. 19.	IMPORT LIMITS, EFFECTS OF SWINE FEVER HIT PORK PRICES IN CHINA, WORLD, CHINA PRESS -A19 NELAYAN TEMPATAN DIGESA TINGKAT TANGKAPAN HASIL LAUT, SETEMPAT, HM -24 URBAN FARMING BEARS FRUIT, THE SUN -4 TEMPOH TANAH PAJAKAN PERTANIAN DINAikkan 99 TAHUN, NASIONAL, HAKAKAH -N31 TENTANGAN PENYELAM TIRAM DI MUAR, ETREND, SH -26	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Sim Tze Tzin: Plant more variety of crops to reduce import		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	29 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,364



沈志勤：需改變政策 應多種糧食作物減進口

（布城28日讯）农业及农基部副部长沈志勤表示，我国进口逾520亿令吉的粮食，其中包括可以在本地种植的农作物，如辣椒、黄瓜、椰子、香蕉及蘑菇等，因此认为有必要在政策上做出改变，以减少对进口粮食的依赖。

“很多农作物大马可以种植，其实我们可以不需要进口，但我们在农业领域没投入足够资源、人力及政策，导致我们需要进口。”

缺政策奖掖发展农粮领域

他今日出席博特拉大学举办的“2019年国际食品研究大会”后，接受媒体询问时说，我国的农业领域前景一片光明，除了大马的人口也处于增长的状态外，气候条件及土地肥沃也属助力优势，因此必须以政策来积极推动。

“一直以来我们只注重棕油，缺乏政策及奖掖来发展农业及食品领域。”

他举例，我国1年内进口2亿4500万令吉的辣椒、2亿3800万令吉蘑菇、2亿400万令吉椰子、3800万令吉香蕉和1200万令吉黄瓜等。

他说，我国主要进口的粮食包括64亿令吉谷粮、50亿令吉蔬菜、41亿令吉肉类、41亿令吉海鲜、39亿令吉乳制品、39亿令吉水果及15亿令吉咖啡等。

“一些粮食进口后，进行加工再出口以赚取利润及制造就业机会，如咖啡，虽然我国没生产，并需进口15亿令吉咖啡，但加工后，可出口高达20亿令吉咖啡产品，特别是三合一咖啡。”

鼓励农民转型科技灌溉

谈及天气炎热影响农作物收成的情况时，他呼吁农民逐步转型以高科技方式来应付及处理这些情况，如采用灌溉施肥模式，利用感应器来感应土壤，如果土壤干燥，就会自动进行灌溉工作。

出席者包括博特拉大学食物科学与科技院院长纳扎米、博特拉大学副校长祖基菲里、大会主席吉纳及联席主席陈振滨等。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2019	KOSMO	NEGARA	12

Biji koko dari Nigeria berulat

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas biji koko bernilai RM3 juta yang dibawa masuk dari Nigeria di Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini pada 19 Ogos lalu.

Maqis dalam kenyataan semalam berkata, biji koko seberat 253,170 kilogram itu ditemui di dalam 10 buah kontena.

"Hasil pemeriksaan lanjut oleh pegawai Maqis mendapati kontena yang membawa biji koko tersebut turut mengandungi ulat dan serangga perosak.

"Pemeriksaan ketat di pintu masuk negara bagi mengesan kemasukan keluaran pertanian dilakukan secara berterusan bagi menjaga biosekuriti dan keselamatan makanan dalam negara. Ianya juga bagi memastikan tiada penyakit dan perosak masuk dan merosakkan industri tanaman serta menjejaskan ekonomi negara," katanya.



MAQIS merampas biji koko bernilai RM3 juta yang berulat di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru pada 19 Ogos lalu.

Kes disiasat di bawah Seksyen 14, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Akta itu mengenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

"Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya," jelasnya.



SEBANYAK 253,179 kilogram koko dari Nigeria dirampas Maqis.

Koko berulat

■ Maqis rampas hasil pertanian diimport mengandungi serangga perosak RM3 juta

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Iskandar Puteri

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor mematahkan cubaan membawa masuk 253,179 kilogram biji koko mengandungi ulat dan serangga perosak bernilai RM3 juta di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah di sini, 9 Ogos lalu.

Pengarah Maqis Johor Nur Afifah A Rahman berkata, rampasan itu hasil pemeriksaan pegawainya terhadap kontena mengandungi biji koko dari Nigeria.

Katanya, Maqis melaksanakan pemeriksaan ketat di pintu masuk negara untuk mengesan kemasukan hasil pertanian bagi menjaga biosekuriti dan keselamatan makanan dalam negara.



"Ia bagi memastikan tiada penyakit dan perosak masuk dan merosakkan industri tanaman serta menjejaskan ekonomi negara dan kes diasasat dibawah Seksyen 14, Akta Perkhidmatan Kuarantini Dan Pemeriksaan Malaysia, 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah akta sama laltu den-

da tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh, tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Menurutnya, bagi kesalahan kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.



SEBAHAGIAN guni mengandungi biji koko berulat yang dirampas Maqis di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor, baru-baru ini.

Biji koko berulat RM3 juta dirampas

KUALA LUMPUR 28 Ogos - Sebanyak 10 kontena berisi biji koko bernilai RM3 juta yang dibawa masuk dari Nigeria dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Pelabuhan Tanjung Pelepas, di sini pada 19 Ogos lalu.

Keseluruhan biji koko seberat 253,170 kilogram itu dibawa masuk secara sah ke dalam negara untuk dijadikan bahan minuman sebelum ditahan kerana mengandungi ulat dan serangga perosak.

Difahamkan, punca kerosakan biji koko tersebut disebabkan negara pengeksport tidak memberi rawatan yang cukup sebelum diimport atau disebabkan kebororan kontena.

Pengarah MAQIS Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, pihaknya menahan kontena untuk diperiksa sebelum menemukan biji koko yang sudah berulat dan mengandungi serangga perosak.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, pemeriksaan ketat di pintu masuk negara sentiasa dilakukan untuk mengesan kemasukan pertanian bagi menjaga biosekuriti dan keselamatan makanan dalam negara.

Menurutnya, perkara tersebut untuk memastikan tiada penyakit dan perosak masuk sekali gus merosakkan industri tanaman serta menjejaskan ekonomi negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

PPM, Jabatan Perikanan serbu pasar cari ikan bom



SEMPORNA: Pasukan Polis Marin (PPM) dan Jabatan Perikanan melancarkan operasi khas bagi mengekang kegiatan penjualan hasil laut, termasuk pelbagai jenis ikan yang diperolehi menggunakan kaedah bom ikan, di sini semalam.

Operasi bermula jam 7.30 pagi itu mensasarkan beberapa kawasan jeti dan pasar ikan utama daerah ini, antaranya Pasar Ikan Jeti Umum, Pasar Ikan Seafest dan Pasar Ikan Kampung Simunul.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali, berkata operasi itu tertumpu kepada usaha mengesan dan melumpuhkan aktiviti serta kegiatan pengeboman ikan di Perairan Sabah.

Beliau berkata, pemeriksaan dibuat terhadap semua penjual ikan di pasar ikan bertujuan membanteras aktiviti menjual ikan hasil daripada kegiatan mengebom ikan oleh nelayan yang tidak bertanggungjawab.

"Pemborong ikan turut diperiksa sekiranya berkemungkinan mereka turut terbabit dalam aktiviti mengebom ikan atau perkara berkaitannya," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Mohamad Pajeri berkata, beliau berpuas hati dengan hasil operasi yang dijalankan itu selepas mendapati tiada peniaga atau pemborong yang menjual ikan hasil daripada kegiatan bom ikan.


Sementara itu, PPM komited dan serius dalam usaha menangani kes yang membabitkan aktiviti mengebom ikan di Sabah, termasuk di Perairan Semporna.

"PPM akan terus melancarkan operasi bersepadu bersama Jabatan Perikanan dan agensi penguatkuasa yang lain demi menjamin keselamatan pengguna dari semasa ke semasa.

"Pemeriksaan yang lebih kerap akan dijalankan di premis penjualan ikan di pasar basah bagi memastikan pihak yang menjalankan aktiviti mengebom ikan dapat dibendung secara lebih agresif dan menyeluruh," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Jabatan Perikanan pertahan tak senarai Yu sebagai spesies dilindungi



Jabatan Perikanan mempertahankan langkah Malaysia untuk tidak menyokong penyenaian ikan Yu tertentu sebagai spesies dilindungi di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (Cities).

Pada Sesi ke-18 Conference Of Parties (CoP18), Malaysia antara 40 negara yang membantah cadangan Mexico untuk melindungi spesies berkenaan, manakala 102 negara lain mengundi untuk menyokong.

"Pendirian Malaysia untuk tidak menyokong penyenaian spesies Mako Sharks (*Isurus oxyrinchus* and *Isurus paucus*), Guitarfishes (Guitarfishes) dan Rhinidae SPP (Wedgefishes) di

dalam mesyuarat COP18 Cities adalah berdasarkan kepada pandangan pakar-pakar Yu di rantau Asia serta syor daripada Jabatan Perikanan (DOF)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jabatan Perikanan berkata spesies berkenaan bukan "spesies yang disasarkan" sebaliknya adalah 'bycatch', yang bermaksud ia ditangkap secara tidak sengaja semasa tangkapan spesies tertentu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

22 pengusaha ikan sangkar rugi lebih RM2 juta



Sebahagian pengusaha ikan sangkar terpaksa menaikkan ikan ternakan yang mati dipercayai akibat kekurangan oksigen untuk dilaksanakan ujikaji oleh DOF.

PARIT BUNTAR - Lebih 22 pengusaha ikan sangkar di perairan Tanjung Piandang di sini mengalami kerugian lebih RM2 juta apabila lebih separuh daripada pelbagai ikan marin diternak mereka mati dipercayai akibat perubahan kualiti air.

Lebih menyedihkan, sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah ikan diternak kesemua pengusaha itu dikenal pasti mati dalam tempoh singkat.

Jurucakap Jabatan Perikanan daerah Kerian dalam satu kenyataan berkata, antara jenis ikan diternak di sangkar berkenaan adalah

spesies ikan merah, siakap, jenahak dan bawal emas.



Menurutnya, kesemua ikan yang mati adalah bersaiz tiga inci dan ke atas.

Wakil Jabatan Perikanan Negeri Perak berbincang dengan sebahagian pengusaha ternakan ikan sangkar di Perairan Tanjung Piandang, Parit Buntar yang mengalami kerugian lebih RM2 juta sejak malam semalam akibat ikan ternakan mati.

"Susulan itu, wakil Jabatan Perikanan Negeri (DOF) Perak telah pun ke lokasi sangkar hari ini dan cawangan Biosekuriti DOF Perak telah mengambil sampel air di lokasi untuk diuji di makmal FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

"Manakala sampel ikan juga turut diambil untuk analisa penyakit di

makmal DOF Pulau Pinang," katanya.

Katanya, pihaknya tidak menolak kemungkinan punca kematian ikan berkenaan disebabkan perubahan kualiti air, bagaimanapun perkara itu hanya dapat disahkan selepas keputusan ujian diperolehi.

Sementara itu, wakil pengusaha ikan sangkar, Tan Swee Lim, 65, berkata, pihaknya mengetahui ikan ternakan mereka mati pada jam 7 malam semalam dan kejadian itu amat mengejutkan semua.

Keadaan ternakan ikan sangkar jenis ikan merah diusahakan Swee Lim yang mati mengejut dipercayai akibat kekurangan oksigen dalam air laut di Perairan Tanjung Piandang sejak malam tadi. (Swee Lim)

Menurutnya, kejadian ikan ternakan mati itu berlaku sejak dua hari lalu dan mengakibatkannya mengalami kerugian lebih RM200,000.

"Kami tidak menolak kemungkinan air laut di kawasan penternakan ikan sangkar kekurangan oksigen apabila bacaan dicatatkan rendah daripada bacaan oksigen standard.



"Susulan itu, kami bingung memikirkan nasib kami pada masa hadapan kerana jumlah kerugian ditanggung oleh setiap pengusaha adalah daripada paling kurang RM200,000 sehingga mencecah lebih RM1 juta.

"Saya sendiri sudah mengalami situasi sama sebanyak dua kali dan berharap kali ini kerajaan dapat mencari jalan membantu kami mengusahakan semula ternakan ikan sangkar yang terjejas dalam masa terdekat," katanya.

111 nelayan bersama tujuh bot ditahan

KLANG - Sebanyak tujuh bot nelayan pukat jerut dengan 111 tekong dan awak-awak ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang selepas didapati menangkap ikan dalam kawasan pesisir pantai sekitar jam 1 pagi kelmarin.

Komander PPM Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, bertindak atas maklumat awam, anggota PPM yang sedang membuat rondaan

di perairan Tanjung Karang berjaya mengesan sekumpulan bot nelayan pukat jerut sedang menangkap ikan di pesisir pantai.

Menurutnya, menyedari kehadiran bot ronda PPM, kumpulan nelayan itu memadam lampu bot dan bertindak melarikan diri.

"Hasil kecekapan PPM berjaya menahan tujuh bot nelayan kelas C jenis pukat jerut pada kedudukan kurang dari lima batu nautika

perairan laut Tanjung Karang.

"Kesemua bot yang ditahan dibawa ke Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang akhbar di jeti Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang di sini semalam.

Rosman berkata, seramai 111 orang ditahan terdiri daripada tekong dan awak-awak.

"Seramai 11 orang merupakan warga tempatan

termasuk tekong manakala 101 warga asing terdiri daripada 70 warga Thailand, Kemboja (18), Myanmar (6), Indonesia (6) dan Laos (1).

"Semua yang ditahan berusia 23 hingga 51 tahun dan warga asing yang ditahan mempunyai pasport yang sah," katanya.

Rosman berkata, pihaknya turut menemui kira-kira empat tan ikan pelbagai jenis di dalam bot yang ditahan.

Tutup lampu buang ikan



ROSMAN (kanan) melihat tujuh bot pukat jerut kelas C yang didakwa mencero boh zon menangkap ikan kira-kira lima batu nautika dari perairan laut Tanjung Karang.

■ Taktik nelayan pukat jerut elak dicekup pihak berkuasa

Siraj Mohd Zahri
siraj@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Padam lampu bot dan buang hasil tangkapan ke laut untuk melupuskan bukti.

Itu taktik sekumpulan nelayan pukat jerut bagi mengelak ditahan pihak berkuasa ketika menangkap ikan di zon tidak dibenarkan kira-kira lima batu nautika dari perairan Tanjung Karang, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi itu, tindakan nelayan terbabit yang menggunakan tujuh bot kelas C tidak berhasil apabila bot ronda Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya mengesan mereka dan dibawa ke Mar-



Siasatan lanjut menemui empat tan ikan pelbagai jenis dianggarkan bernilai RM48,000”

Rosman Ismail

kas Operasi PPM Pelabuhan Klang untuk siasatan lanjut.

Komander PPM Wilayah 1, Asisten Komisiner Rosman Ismail berkata, pihaknya menahan tujuh tekong dan 104 awak-awak terdiri daripada 11 warga tempatan manakala selebihnya warga asing.

“Nelayan yang ditahan berusia 23 hingga 51 tahun dan siasatan mendapati mereka mempunyai dokumen pengenalan diri sah.

“Selain itu, siasatan lanjut menemui empat tan ikan pelbagai jenis dianggarkan bernilai RM48,000,” katanya dalam sidang media di Markas Operasi PPM, di sini, semalam.

Beliau berkata, semua bot pukat jerut dianggarkan bernilai hampir RM20 juta itu disita kerana melanggar

beberapa kesalahan termasuk Seksyen 8 Akta Perikanan 1985, Seksyen 29 Akta Perikanan 1985 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998.

“Ketika dikesan oleh bot ronda PPM, ada antara mereka cuba melarikan diri dan memadamkan lampu bot, malah ada yang meributkan hasil tangkapan ke laut untuk melupuskan bahan bukti.

“Namun, bot ronda PPM dilengkapi peralatan seperti radar, sekali gus mampu mengesan bot mereka yang berada kira-kira satu batu antara satu sama lain di perairan berkenaan,” katanya.

Rosman berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan sebarang kegiatan pencerobohan zon dilakukan bot kelas C kerana akan menjejaskan pendapatan bot yang lebih kecil.

“Zon tangkapan ikan bagi bot kelas C adalah 15 batu nautika ke atas dan tindakan dilakukan mereka adalah mencero boh zon bagi bot kelas A dan B yang mana bot mereka lebih kecil,” katanya.



Dr Azman Ibrahim melancarkan program melabuh tukun tiruan.

Lokasi tukun kaya spesies ikan

Oleh **HIDAYAH AZLIN**

SETIU: Kajian Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) Terengganu mendapati lokasi tukun dilabuhkan kerajaan negeri memberi kesan positif kepada biodiversiti pelbagai spesies ikan.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, spesies ikan selepas 45 bulan tukun dilabuhkan didapati bertambah daripada 15 kepada 109 spesies.

Katanya jumlah itu membabitkan 76 spesies komersial dan 33 spesies batu karang.

"Sebanyak 32 spesies ikan komersial dan 14 spesies ikan batu karang pula direkodkan aktif di tukun keluli selepas

dilabuhkan perairan Terengganu," katanya ketika ditemui pada program melabuh tukun 2019 di Merang baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim pula berkata, sebanyak 23 unit tukun kuboid yang dilabuhkan di dua lokasi tahun ini berjaya memberi impak kepada 1,336 nelayan di kawasan berkenaan.

Katanya projek itu melibatkan kos sebanyak RM450,000 akan memberi manfaat jangka panjang kepada nelayan di Setiu dan Batu Rakit.

Katanya, daripada jumlah itu kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak

RM150,000 selebihnya tanggungan kerajaan persekutuan.

"Tukun yang dilabuhkan berfungsi memperkayakan sumber perikanan untuk meningkat hasil tangkapan nelayan.

"Ia juga boleh menjadi penampan untuk mengelakkan pencerobohan nelayan yang menggunakan pukot tunda," ujarnya.

Menurut beliau juga pihaknya menyasarkan aktiviti berkaitan tukun tiruan dan unjang dapat dilaksanakan sebelum tiba musim tengkujuh.

Kata beliau juga hanya perairan di Kemaman sahaja belum lagi diadakan program melabuh unjam atau tukun.

Dedah aktiviti konservasi penyu di Rantau Abang

Dungun: Sebanyak 345 kilogram sampah berjaya dikumpul peserta yang mengikuti aktiviti gotong-royong membersihkan pantai Rantau Abang, di sini, baru-baru ini.

Aktiviti berkenaan sebahagian daripada program pemuliharaan serta konservasi penyu dan spesies marin terancam yang disertai 35 pelajar Diploma Akultur dari Politeknik Jeli, 30 pelajar Sijil Perikanan Akademi Perikanan Malaysia dan 10 pelajar latihan industri universiti awam.

Pegawai Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Mohd Tamimi, Ali Ahmad, berkata aktiviti membersihkan pantai itu dilakukan bagi melindungi dan memulihara alam sekitar serta

ekosistem laut yang setiap hari diancam pencemaran sampah sarap banyut.

"Sampah sarap ini sebaiknya dikutip setiap hari kerana dengan cara ini kita dapat membantu ibu penyu untuk nak bertelur di pantai Rantau Abang dengan selamat," katanya.

Program selama dua hari di FRI Rantau Abang serta Pusat Penerangan dan Konservasi Penyu (TCIC) Rantau Abang itu turut memberi kesedaran kepada pelajar mengenai aktiviti konservasi penyu dan ancaman terhadap hidupan marin terbabit.

Mohd Tamimi berkata, sebagai ejen penyampai maklumat kepada masyarakat, peserta diberikan kesedaran mengenai ancaman yang dihadapi hidupan

marin terutama penyu dengan harapan mereka lebih memahami dan prihatin terhadap langkah penjagaan alam sekitar, penyu dan hidupan marin lain.

Beliau berkata, peserta juga diberi peluang melepaskan sebanyak 258 ekor anak penyu Agar yang baru menetas daripada tiga sarang yang diambil di Pusat Penetasan Penyu Pantai Geliga, Kemaman, selain menguruskan penyu yang dikuarantin di FRI Rantau Abang.

"Terdapat tiga spesies penyu yang dipelihara di sini antaranya penyu Agar, penyu Karah dan penyu Lipas dengan pelajar diajar cara mencuci tangki penyu, menukar air laut yang bersih, merawat penyu sakit dan memberi makan berkualiti kepada penyu," katanya.



Pelepasan anak penyu turut diadakan.



Sebanyak 345 kilogram sampah dikumpulkan oleh peserta program CSR gotong-royong di Pantai Rantau Abang, baru-baru ini.



Aktiviti gotong-royong mengutip sampah di sekitar pantai.

Headline	Jailed, fined for having bombed fish		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	102 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 284
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 853



Jailed, fined for having bombed fish

KOTA KINABALU: A man was sentenced to six months' jail and RM5,000 fine, in default, two months jail, for having in his possession bombed fish.

Sessions Court Judge Elsie Primus handed down the sentence to Mansor Ukok, 54, after finding him guilty of the offence.

In her ruling at the end of the defence stage, she held that the prosecution had successfully proven the case beyond reasonable doubt.

Mansor was found in possession of 15 species of fish that were caught using explosives at Jalan Tinangol, Matunggong, Kudat at 4.15 am on August 12, 2018.

The offence under Section 26 (1)(c) of the Fisheries Act 1985 and punishable under Section 25 (b) of the same Act, carries a fine of RM20,000 or a jail term of up to two years, or both, upon conviction.

In mitigation, counsel Sazalye Donol, for the accused, pleaded for a lenient fine on the grounds that

the accused is now remorseful and would not repeat a similar offence in the future.

The accused, who is a father of seven, also has to support a wife, who is not employed, and three school-going children and paying monthly instalment to Amanah Ikhtiar, added Sazalye.

Prosecuting officer from the Fisheries Department, William Apin, pressed for a deterrent sentence on the grounds that such offence is very serious and had an effect on the environment.

Usage of explosives will harm marine life as well as human health, he said.

William also informed the court that this was the second offence committed by the accused who was previously convicted in 2014.

The court ordered Mansor to serve his custodial sentence from the date of conviction and the vehicle used in the case to be forfeited to the government through the Fisheries Department.

Headline	Operation to curb fish-bombing activities in Semporna		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	Alen Kee	AdValue	RM 552
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,656



Marine police personnel with officers from the Fisheries Department examine the fish at the one of the markets during the operation on Tuesday.

Operation to curb fish-bombing activities in Semporna

By Alen Kee

SEMPORNA: Marine police together with the Fishery Department conducted an integrated operation at the general jetty, Seafest Fish Market and Kg Simunul Fish Market on Tuesday to curb fish-bombing activity and the sale of bombed fish in the district.

Marine Police Region Four Commander ACP Hj Mohamad Pajeri Ali said the main

objective of the operation was to detect and cripple fish-bombing activities in Sabah waters by conducting checks on all fishmongers at fish market that try to sell bombed fish.

Apart from that, he said fish retailers were also checked if they were involved in fish-bombing activities.

He said the marine police would continue to conduct checks at premises selling fish to ensure the activity would be curbed.

Headline	Chemat new South Labuan Farmers Organisation chairman		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 190
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 569



Chemat new South Labuan Farmers Organisation chairman

LABUAN: Chemat Mustapha has been elected as the new South Labuan Farmers Organisation (Pertubuhan Peladang Kawasan [PPK]) board of director chairman for the 2019-2021 session.

The election was held at the first board of directors' meeting on Monday involving 12 members who unanimously voted him to lead the PPK in the south division.

Four bureaus responsible for the various tasks will be appointed at the next meeting to complement Labuan South PPK leadership.

Chemat said the mission of the Minister of Agriculture and Agro-based Industry was to bring about transformation in the PPK which would be strengthened by the more than a thousand members in the PPK south division.

"It is our hope to see many South PPK members become successful agro entrepreneurs," he said yesterday.

Chemat, a businessman, said intensive training programs would be created to train potential members to become agro entrepreneurs.

"We have identified some agricultural products that will be developed by members and the vast and suitable land in the south division will be used for cultivation," he said.

Headline	Import limits, effects of swine fever hit pork prices in China		
MediaTitle	China Press		
Date	29 Aug 2019	Color	Full Color
Section	World	Circulation	127,822
Page No	A19	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	1261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,874
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,622



【北京28日综合电】非洲猪瘟造成中国生猪短缺，猪价飞涨，进口需求大增，中国8月初向美国购买1.2万吨猪肉，创下近两个月新高。随着9月1日实施新关税，中国进口猪肉的代价又将上升，税率高达72%。

中国自2018年8月1日在爆发非洲猪瘟疫情后，今年因为供给吃紧，猪肉持续上涨。北京批发市场，同一品种的猪肉批发价在每公斤28元至30元人民币之间，比一年前上涨超过50%。

在中美贸易战的背景下，中国日前从美国进口猪肉的关税税率是55%，即税率半如此高，但根据美国农业部数据，8月1日到目前，中国仍向美国购买1.2万吨猪肉。

美国之音日前报导，在美国宣布将对来自中国进口商品加税后，中国商务部表示，中国企业在海外购买美国农产品，高关税是否包含在成本核算内。

李克强关注猪肉狂涨

猪肉狂涨也引起中国国务院总理李克强关注。他在日前在国务院常务会议提出，要地方政府立即采取超法规措施平抑猪肉价格。李克强在会中强调，猪肉价格上涨对低收入群体影响较大，要特别关注菜篮子产品的保供稳价，保障低收入群体生活。



前往菜市场的猪肉摊前，实际询问猪肉价格。中国总理李克强（右）上周到哈尔滨视察猪肉，还特别

中購美猪肉代價高

为了降低猪肉短缺风险，福建发布限购令，8月1日开始，居民每月只能买猪肉10斤，超过部分要交罚金。更早之前，厦门在7月也对限购政策，避免民众大量囤货。

导致猪肉短缺原因，美国猪肉产能既是双方谈判的焦点，也是中国民生问题的焦点。行销分析师指出，猪肉短缺好多家（business）在中国的供应链，一旦发生任何生产问题者，都会影响中国猪肉的供应。

中国已宣布自8月1日起对进口猪肉额外征收7%关税，使得关税总税率高达57%。

国际猪肉贸易规模，其大部分地方在，而且很多市场同样受到非洲猪瘟的威胁。虽然美国是中国主要的猪肉出口国，中国猪肉产量的压力也会越来越大。

貿易戰損害聖誕行情 美國航運業也遭殃

今年美国零售市场的圣诞行情难以乐观，因为贸易战的不断不确定性，美国零售商对这个传统旺季的采购策略，把库存压到低于平常水准。市场专家说，美国消费者在年末假期购物时会发现市面上的商品减少了。

彭博指出，另一个受到打击的

是航运业，由于货运量下降，该行正在削减产能。货运量放缓也使运费被迫大幅下调。根据 Drew 的 Freight Cost Index 的数据，今年主要贸易航线上的货运量下降了2.4%，美国航线费率更是下降了20%。

中美贸易战持续超过1年，美国

零售零售商一年来的内忧外患，就已开始大量裁员。根据彭博的统计，去年下半年从亚洲飞往北美的货运增长10%，但美航货运量却下降。今年的增长速度因运力短缺，下半年飞行量下降。

这对中国出口很有感。原本第一季就面临中国生产产能过剩的困境，现在加上全球贸易战，主要出口货物需求下降，运到美国的货物也减少。今年情况大不相同。



美国新泽西一家沃尔玛门市陈列的圣诞商品。（美联社）

美商務部收逾130份申請 要求繼續供貨華為

3名知情人士透露，美国商务部已收到超过130份公司申请，要求获准向中国华为公司提供美国产品。但知情人士说，特朗普政府尚未向这些企业发放供货名单，名单企业的供货证明。

今年5月，美方遭美国商务部列入出口管制名单，美国企业需取得特殊许可才能向华为供货。然而，美国当局发放许可的速度慢了下来，而特朗普近期也针对贸易战也立场强硬的喊话，使得企业必须获得这些特殊许可的希望变得渺茫。

《华盛顿邮报》等媒体报导，美国商务部部长罗斯表示，美国商务部将很快发布一份名单，这份名单是为了让美国客户有更多时间反应，并用华为设备，期限至11月15日。

根据市场研究机构在7月23日发布的最新调查报告，2019年第二季，华为全球市场占有率为15.5%，排名第二，仅次于三星的22.5%，出货量年增0.5%至580万台。

傳中國擬建南美糧食碼頭

中美贸易战打自贸易战，美方态度强硬，中国方面则寻求通过外交渠道解决。此外，中国方面还寻求通过外交渠道解决。此外，中国方面还寻求通过外交渠道解决。

路透社表示，中国正在南美多个国家，计划在南美国家打造“粮食码头”，让南美国家直接向中国出口农产品。中国方面还寻求通过外交渠道解决。

路透社表示，中国正在南美多个国家，计划在南美国家打造“粮食码头”，让南美国家直接向中国出口农产品。中国方面还寻求通过外交渠道解决。

2月及3月付運的大豆 (僅限限)

中國大豆買家已向南美地區約明年

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	24

Nelayan tempatan digesa tingkat tangkapan hasil laut

Hanoi: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyarankan nelayan tempatan agar mengambil peluang meningkatkan tangkapan hasil laut, sekali gus dapat mengurangkan pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia.

Dr Mahathir yang mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Vietnam semalam berkata, isu pencerobohan nelayan asing termasuk nelayan Vietnam di perairan Malaysia antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatan beliau, Nguyen Xuan Phuc.

Beliau berkata, pihak berkuasa Malaysia telah banyak mengambil tindakan terhadap nelayan asing yang menceroboh perairan negara namun ia tidak dapat menyelesaikan isu itu sepenuhnya kerana nelayan tempatan perlu memainkan

peranan masing-masing.

“Sebenarnya, perairan negara kita kaya dengan hasil laut. Apabila orang lain masuk tangkap ikan, kita marah. Apabila nelayan tempatan buat bot sendiri tetapi tidak menjadi nelayan sebaliknya duduk di rumah saja.

“Kalau suruh orang lain tangkap ikan untuk kita, mereka pula jual ikan di laut dan hasil tidak bawa masuk ke daratan,” katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia sebelum mengakhiri lawatan rasmi beliau, semalam.

Media sebelum ini melaporkan sebanyak 748 bot nelayan dan 7,203 tekong serta awak-awak Vietnam ditahan kerana menceroboh perairan Malaysia.

Lawatan Dr Mahathir ke Vietnam kali ini atas undangan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc.

Urban farming bears fruit

➤ Researchers try to wean M'sia off over-reliance on imports

■ BY LEE SIN NEE
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia produces only 48% of the vegetables it consumed, making the country over-reliant on imports.

This is due to several factors, including the lack of available land for farming.

There are calls for more productive use of land, including in the cities.

A group of researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) has collaborated with Kuala Lumpur City Council (DBKL) to promote urban farming in housing areas.

"For instance, we have worked with the community in Cheras," UPM Faculty of Agriculture dean Prof Dr Abdul Shukor Juraimi said.

"It has been going on for a few years now, we have empowered them to do it themselves."

Abdul Shukor also commended the adoption of urban agriculture by Serdang assemblyman Dr Mariah Mahmud in her constituency.

"With the help of agencies like DBKL and Dr Mariah, leaders need to start giving initiatives to their communities to do urban farming," the academic said.

He said it is a collective effort by researchers and public agencies whereby the former offer their expertise while the latter provide funding for urban farming projects.

"It will be good if we can increase our (self-sufficiency level for) vegetables to 60% as it can reduce our import food bill, currently we have a negative balance of trade (for vegetables)," he said.

To do this, city dwellers are looking for ways to grow food with the limited space they have.

Over the years, there have been an increasing interest in indoor farming.

"The base technology of indoor farming is called hydroponics, which only requires water and some growing medium that is non-soil based," CityFarm Malaysia director Johanson Chew said.

His organisation educates public on growing plants in the city, which can be challenging due to the environmental factors at play, especially sunlight.

"For those who don't have a balcony for sunlight, they need to purchase LED glow light as a replacement.

"It provides all the spectrums required for plants to grow," Chew said.

Indoor farming costs more mainly due to LED glow light, with prices starting from RM700 for an area sized 2ft by 5ft.

For beginners, he recommends growing a variety of local produce, including *bok choy*, leaf mustard and *bayam*.

"Indoor farming is still at a very beginning stage in Malaysia, where things are going to be costly and the market awareness are not there, so it can be challenging if you have no experience venturing into this type of business," Chew said.

"Indoor farming costs more than conventional farming because of the equipment needed to operate indoor."

It takes 24 months to see returns on investment.

Despite the slow growth rate, the CityFarm Malaysia director is confident about the



Abdul Shukor poses with produce from an urban farm.

prospects for indoor farming.

"As more and more people are moving to the cities, urban farming will likely be the trend as it supplements our existing food source and boosts food security," he said.

Oleh KHARUL AZLAM MOHAMAD dan Foto SYAIFUL MUSTAFA

SETIU: Kerajaan baharu Terengganu kini bersetuju menaikkan tempoh pajakan tanah pertanian sama seperti tanah kediaman daripada 60 tahun kepada 99 tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, para peserta tanah terkilang' cukup bertuah di bawah kerajaan baharu ini.

Ini kerana, katanya selain dikenakan bayaran premium lot tanah kediaman serendah 10 peratus juga dinaikkan tempoh pajakan tanah pertanian kepada 99 tahun berbanding sebelumnya 60 tahun sahaja.

"Kerajaan negeri juga telah membuat keputusan tempoh pajakan tanah pertanian sebelum ini 60 tahun. Tapi, kerajaan negeri telah menaikkan tempoh pajakan tanah pertanian sama dengan tanah kediaman kepada 99 tahun.

"Dengan harapan tanah yang diberikan oleh kerajaan itu boleh dimanfaatkan supaya dia tidak akan jadi tanah terbiar," ujarnya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Borang (Jadual) 5A Peringkat Daerah Setiu, di Dewan Sungai Tarom, Permaisuri Setiu, 26 Ogos lalu.

Menteri Besar Terengganu,

Peserta tanah 'terkilan' beruntung-Dr Azman

Tempoh tanah pajakan pertanian dinaikkan 99 tahun



Dr Azman Ibrahim, peserta tanah 'terkilan' beruntung dengan kerajaan baharu Terengganu.

Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar telah menyempurnakan majlis penyerahan borang Jadual 5A itu kepada 503 orang penerimanya.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jabi memaklumkan, keluasan tanah pertanian seluas 12,000 hektar berbilang kategori tanah terbiar berjumlah 12,000 hektar.

"Tanah terbiar ini tanah yang ada tuan, sama ada tuan

itu perseroan atau syarikat, yang tidak dimajukan dalam tempoh tiga tahun. Jika tanah kerajaan tidak dikategorikan tanah terbiar.

"Kita bekerja keras untuk memajukan tanah terbiar dan setakat ini, data terakhir daripada bahagian Perancangan Strategik Kementerian Pertanian dan Asas Tani memaklumkan bahawa, negeri Terengganu berada di kedudukan kedua dari segi kejayaan memajukan tanah terbiar itu selepas daripada negeri Pahang, seramai 1,450 orang yang terlibat memajukan tanah terbiar.

"Kita (kerajaan) mahu Setiu, yang dikategorikan sebagai daerah pertanian dengan tanahnya yang masih banyak (kosong) dimanfaatkan dengan sebaik-baik oleh rakyat," tegasnya.

Sebelum itu, katanya kerajaan negeri juga memberi kelengkapan kepada rakyat menyelesaikan bayaran premium tanah secara ansuran.

"(Kerajaan) Sebelum daripada ini, kelayakan untuk bayar premium tanah secara ansuran ialah mereka yang berpendapatan RM700 ke bawah sahaja.

"Kerajaan baharu Terengganu telah menaik kelayakan kepada berpendapatan RM1,750 ke bawah. Malangnya, kita bagi ruang yang lebih laipang kepada rakyat dalam tempoh tiga tahun. Bayar pun bukan tiap-tiap bulan, ada duit bayar cukup tempoh dapat geran. Tapi dengan syarat membayar deposit permulaan sebanyak 20 peratus.

"Peserta hari ini sangat beruntung kerana yang kita (kerajaan) kategori sebagai 'terkilan'. Premium tanah itu hanya dicira sebanyak 10 peratus daripada nilai tahun 2004 dahulu dan bukan nilai sama (20 peratus) tahun 2019," jelasnya disambut dengan tepukan badrin.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah dan terima

kasih kepada pihak Pegawai Daerah Setiu dan seluruh 'team' yang bekerja keras, sehingga meletakkan Setiu antara daerah terawal yang berjaya mengadakan majlis pengagihan Jadual 5A pada hari ini.

Harakah dimaklumkan, jumlah peserta tanah yang terkilang itu seramai 12,946 orang seluruh negeri Terengganu dari tahun 1999 hingga 2004, dan yang sempat selesai dalam tempoh setahun ini sebanyak 6,178 orang pemohon

ialtu 48 peratus.

Hadir sama pada majlis itu, Yang Dipertua (Speaker) Dewan Undangan Negeri (Dun) Terengganu, Yahaya Ali Setiawan, Menteri Besar Terengganu, Dato' Mohd Zabari Md Azahar, Pegawai Kewangan Kerajaan Terengganu, Dato' Zainal Abidin Hussin, Ahli Parlimen Setiu, Shahrizukri Nam Abd Kadir serta Peryweling-penyekelas Dewan Undangan Negeri (Dun) Permaisuri, Langkap dan Batu Rakit.



Peserta tanah terkilang sedang menyemak nama masing-masing untuk Jadual 5A mengikut kawasan dan Dun masing-masing.

Dulu 100, kini hanya tinggal 10 penyelam yang meneruskan usaha tradisi itu di Sungai Muar

SEBUT sahaja bandar raya Muar, pasti ramai yang akan mengingati mi bandung atau sate. Paling tidak ialah keunikan bangunan-bangunan lama yang masih utuh di Bandar Maharani Bandar Diraja itu.

Namun, seperkara yang barangkali masih yang tidak tahu ialah kehidupan nelayan yang mencari rezeki di Sungai Muar.

Berdasarkan catatan menerusi Facebook *Sungai Muar*, Sungai Muar menjadi saksi kemunculan pemuliharaan satu kuasa besar Kesultanan Melayu Melaka yang mana menyaksikan Parameswara lari dari Temask menyeluri Sungai Muar dan membuat kota di tebing sungai tersebut.

Sungai Muar sepanjang 285 kilometer yang bermula dari Kuala Sungai Muar hingga ke hulunya dan berakhir di Tasik Talang, Kuala Pileh, Negeri Sembilan sesungguhnya sangat berjasa kepada nelayan tempatan di situ.

Bagi golongan itu, Sungai Muar kaya dengan hidupan tiram semula jadi (*crassostrea spp*) yang bermutu tinggi manakala penggemar makanan laut menyifatkan isi tiram Muar segar dan menyelerakan.

Isi tiram boleh dinikmati dengan pelbagai cara seperti dimakan mentah, dipanggang, digoreng, tums berlada dan dijadikan sos tiram. Menariknya, terdapat gerai dan medan selera yang menyajikan masakan tersebut di beberapa lokasi bandar pencen itu.

Liku utama

Tinjauan *Bemama* di Pangkalan Nelayan Parit Tiram yang menjadi lokasi pendaratan tiram yang diperolehi dari dasar Sungai Muar mendapati, kaedah



MUHAMMAD SYAIFUDDIN mengaut hasil tiram yang diperolehinya.



memperoleh hidupan sungai itu masih dilakukan secara tradisi iaitu secara dengan cara menyelam tanpa menggunakan peralatan menyelam yang sudah dipraktikkan sejak turun-temurun.

Beberapa nelayan yang ditemui mengakui, Sungai Muar kaya dengan hidupan tiram dan pasarannya sangat tinggi.

Namun pekerjaan sebagai penyelam bukan sesuatu yang mudah kerana seseorang penyelam itu memerlukan banyak tenaga untuk bertahan mengutip tiram di dasar sungai yang berarus deras.

Seorang nelayan yang juga penyelam muda, Muhammad Syaifuddin Mohd Saat, 30, berkata, penyelam biasanya menyelam sedalam enam meter

dengan menahan pernafasan selama kira-kira dua minit.

"Ia merupakan cabaran utama penyelam ketika mencari tiram di dasar Sungai Muar," katanya.

Beliau menambah, penyelam yang meneroka dasar Sungai Muar perlu berpaut pada pancang atau batang kayu yang dipacak ke dasar sungai bagi mengelak daripada dihanyutkan arus, sebelum mengutip tiram.

"Proses itu mesti dilakukan berulang kali. Tekanan dan arus yang kuat ketika menyelam boleh menyebabkan telinga kita berdarah dan boleh menyebabkan seseorang itu pekap.

"Oleh itu hanya orang tertentu (penyelam) dan latihan berterusan sahaja yang kekal dalam pekerjaan menyelam ini," katanya.

Muhammad Syaifuddin yang sudah enam tahun menjadi penyelam berkata, disebabkan cabaran tersebut, golongan muda kini tidak berminat untuk menjadikan penyelam sebagai kerjaya di samping terdapat dalam kalangan ibu bapa tidak menggalakkan anak mereka menjadi nelayan.

MUHAMMAD SYAIFUDDIN (kanan) bersama abang iparnya, Mohd Razif Hanafi, 33, (dua kiri) menggunakan galah sebelum menyelam ke dasar sungai Muar untuk mencari tiram baru-baru ini.



PARA penyelam tiram bersama-sama berganding bahu mencari tiram di Sungai Muar.

Tantangan penyelam tiram di Muar

Bagaimanapun, tradisi mengutip tiram ini kemungkinan akan lenyap kerana suatu ketika dulu terdapat kira-kira 100 penyelam di sekitar Muar tetapi kini hanya 10 nelayan yang meneruskan usaha tradisi itu.

Ketika tinjauan proses mencari tiram di Pangkalan Nelayan Parit Tiram itu, terdapat lima penyelam muda yang sanggup melakukan kerja berkenaan.

Seorang nelayan yang juga penyelam yang masih aktif, Nasir Kassim, 50, berharap lebih ramai anak muda menceburi kerjaya tersebut kerana pendapatan daripada tiram adalah lumayan.

Tiram yang diperolehi dari Sungai Muar itu dipasarkan kepada peraih yang kemudiannya dijual kepada pengusaha restoran dan medan selera serta dieksport ke Singapura.

